

27 JAN 1999

ISU TOL SUDAH SELESAI, KATA SAMY VELLU

SEREMBAN, 27 Jan (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu malam ini berkata apa-apa perkara berkaitan kadar tol sudah selesai dengan pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditemui pemberita sebelum merasmikan majlis tarian kebudayaan Tamil "kannagi" di sini, Samy Vellu berkata beliau tidak berhasrat untuk membuat kenyataan tambahan mengenainya.

"Perdana Menteri sudah umum, kita ikut apa yang diumumkan dan tidak boleh tambah (kenyataan)," katanya.

Dr Mahathir hari ini mengumumkan penurunan kadar tol untuk Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) daripada RM1.50 kepada RM1 bagi kenderaan persendirian manakala kadar tol untuk kereta persendirian bagi Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dinaikkan sebanyak 0.75 sen sekilometer. Kedua-duanya berkuatkuasa selepas Tahun Baru Cina.

Samy Vellu juga berkata Kementerian Kerja Raya telah mendapat peruntukan RM15 juta daripada Kementerian Kewangan untuk kerja-kerja menyambung lebuhraya Seremban-Port Dickson yang ada sekarang hingga ke Teluk Kemang, dalam usaha meningkatkan penggunaan lebuhraya itu.

Katanya, Kerajaan Pusat telah bersetuju dengan pembinaan lebuhraya itu dari kawasan Sua Betong, tempat berakhirnya lebuhraya sekarang hingga ke Teluk Kemang.

Katanya beliau telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad mengenainya semalam.

-- BERNAMA

AZ AKD